

# Dr. M ingatkan wakil rakyat tidak aktif digugur

UM 25 JUN 2003

KUALA LUMPUR 24 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, **mana-mana** wakil rakyat yang tidak aktif dan **gagal** memberikan khidmat kepada rakyat akan digugurkan sebagai **calon** pada pilihan raya umum akan datang.

Perdana Menteri **berkata**, oleh itu sebelum digugurkan beliau meminta wakil-wakil rakyat terbabit **supaya tampil** mengundurkan diri secara sukarela bag-i **memberi laluan** kepada muka barn.

Jika tidak katanya, mereka perlu menerima hakikat bahawa khidmat mereka tidak lagi diperlukan kerana **gagal** memberikan khidmat terbaik kepada rakyat sepanjang tempoh perkhidmatan mereka.

“Oleh itu **mana-mana wakil** rakyat yang rasa dia tidak boleh buat kerja baik **undur** diri (secara sukarela),” katanya **pada** sidang akhbar di lobi Parlimen di **sini** hari ini.

Jika tidak, kata beliau, mereka tetap akan digugurkan **bagi memberi** peluang kepada muka baru.

Katanya, **mana-mana** wakil rakyat yang digugurkan itu perlu menerima secara terbuka bahawa masa mereka untuk **berundur** sudah tiba **sama ada** secara sukarela atau dipaksa.

Bagaimanapun katanya, **banyak** perkara akan diambil dalam pemilihan **calon** pilihan raya umum akan datang termasuk sumbangan mereka kepada rakyat serta komitmen terhadap kawasan mereka.

Malah kata Dr. Mahathir, kehadiran mereka di Parlimen **juga** akan **turut** diambil kira.

“Itu akan diambil kira dalam pemilihan **calon** pilihan raya,” katanya.

Sementara itu ketika membentangkan usul Rang Undang-Undang Perlembagaan Persekutuan (**Pindaan**) **bagi** persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan **raya**, Dr. Mahathir berkata, kesan yang nyata daripada **persempadanan** semula itu akan mengecilkkan **kawasan-kawasan** yang dahulunya **sangat** luas.

“Begitu **juga** bahagian-bahagian pilihan **raya** yang **kecil** tetapi mempunyai bilangan pemilih ramai telah dikurangkan bilangan pemilihnya setelah dipersempadankan semula,” katanya.

## Pertambahan

Melalui persempadanan semula itu kata Perdana Menteri, ia melibatkan pertambahan 25 kerusi Parlimen dan 63 Dewan Undangan Negeri.

Pada masa sekarang terdapat 194 kerusi Parlimen di **seluruh** negara dan dengan cadangan pertambahan itu ia akan menjadikan keseluruhan 219 kerusi.

Kawasan parlimen sedia ada mengikut negeri ialah Perlis (**tiga**), Kedah (15), Kelantan (14), Terengganu (**lapan**), Pulau Pinang (11), Perak (23), Pahang (11), Selangor (17), Melaka (lima), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (10), Negeri Sembilan (**tujuh**), Johor (20), Sabah (20), Sarawak (28) dan masing-masing satu bagi Wilayah Persekutuan Labuan dan Putrajaya.

Usul itu dibuat **bagi** meminda Perkara 46 Perlembagaan Persekutuan supaya dapat menyelaraskan tambahan 25 kerusi Parlimen seperti yang telah diperakukan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

Menurut Perdana Menteri, ketika kajian semua persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya dan negeri dibuat pada 1994, bilangan pemilih ialah 7,438,156 orang.

Sejak itu, katanya, bilangan pemilih telah bertambah di mana mengikut daftar pemilih yang disahkan oleh SPR pada 27 Disember 2001 jumlah pemilih (tidak termasuk Sarawak) ialah 9,983,730 orang.

Urusan kajian semula bagi menentukan sempadan pilihan raya telah dimulakan pada 8 Ogos 2002 dan telah diselesaikan pada 21 Mac 2003.

“Oleh itu, jika pilihan **raya umum** yang akan datang diadakan selepas persempadanan ini berkuat kuasa maka kawasan-kawasan baru akan digunakan **bagi** pilihan **raya umum** tersebut,” jelasnya.

Kata Dr. Mahathir lagi, kesan jelas daripada persempadanan semula itu ialah membolehkan wakil rakyat memberikan khidmat yang lebih cemerlang kepada pengundi mereka.

Semasa bercakap kepada pemberita kemudian, Dr. Mahathir berkata, ia tidak ada kena mengena dengan dakwaan kononnya ia untuk kepentingan Barisan Nasional (BN).

“Tidak tambah (**kawasan**) pun (BN) boleh menang. Pada tahun 1999 tidak ada tambahan kerusi tetapi kita boleh menang dua pertiga.

“Oleh itu ia bukan **tentang** hendak menang, **kita** tambah kawasan kerana supaya rakyat mendapat khidmat yang terbaik,” katanya.